

Tajuk: Kajian Penyertaan Industri Dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
(Kertas Kajian)

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau penyertaan pihak industri dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Sistem ini telah dilancarkan pada tahun 2005 yang memerlukan penglibatan serta sokongan pihak industri. Oleh kerana penyertaan pihak industri amat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan SLDN, maka amatlah mustahak untuk mengetahui apakah faktor-faktor yang mungkin boleh menghalang pihak industri daripada menyertai program ini. Kaedah pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui borang soalselidik dan kaedah kualitatif dengan cara temubual. Beberapa faktor telah dikenalpasti dan digunakan dalam kajian ini, iaitu: budaya latihan, struktur organisasi, sumber (kewangan, fizikal), polisi, kesedaran tentang SLDN, komitmen pemimpin dan faktor teknologi. Sejumlah 5,000 syarikat telah dipilih secara rawak daripada senarai 14,389 syarikat yang diambil dari MIDA dan SMIDEC. Ia terdiri dari kalangan syarikat besar serta industri kecil dan sederhana. Sebanyak 509 syarikat telah mengembalikan borang soalselidik menjadikan kadar respon sebanyak 10.18 peratus. Walau pun kadar respon yang rendah, set data ini adalah memadai untuk digunakan dan dapat mewakili keseluruhan populasi berasaskan kaedah penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Di samping itu, sejumlah 125 sesi temubual telah dilakukan di kalangan syarikat yang dipilih daripada senarai di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada amnya syarikat di negara ini mempunyai budaya latihan yang baik. Walau bagaimana pun tumpuan mereka hanyalah kepada latihan sambil bekerja. Majoriti responden tidak menyertai SLDN kerana mereka tidak mendapat maklumat/bahan publisiti berkaitan SLDN.